

‘DBKL mampu urus Bazar Ramadan walaupun sewa murah’

Putrajaya: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menolak dakwaan tidak mampu mengurus lokasi Bazar Ramadan tahun ini berikutan kadar sewa rendah dikenakan kepada peniaga.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, menegaskan DBKL sebagai badan kerajaan mempunyai peruntukan tertentu bagi memastikan program itu berjaya dan berlangsung dengan baik.

Beliau berkata, lesen bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri yang dikendalikan DBKL tahun ini diberikan secara langsung kepada peniaga terpilih.

Katanya, penyelenggaraan akan dibuat DBKL dengan kerjasama badan korporat yang memberi sokongan penuh kepada usaha itu bagi membuka ruang peniaga yang betul-betul ingin berniaga dan meningkatkan pendapatan sepanjang Ramadan.

“Saya tidak pasti kenapa kenyataan ini dikeluarkan dan atas dasar apa, kerana sebelum ini

pihak yang terbabit dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan program bazar Ramadan di Kuala Lumpur,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Karnival Sukan Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2025 di Presint 18, di sini semalam. Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Noridah Abdul Rahim dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Fadlun Mak Ujud.

Sebelum ini, Dr Zaliha memaklumkan, DBKL mengurus sepenuhnya hal berkaitan lesen perniagaan dan penyelenggaraan bazar Ramadan di ibu kota bermula tahun ini, berbanding diuruskan penganjur.

Ia bagi memastikan penaja mendapat harga sewaan tapak berpatutan dengan pengurusan yang lebih baik, sekali gus menangani rungutan mengenai harga sewaan dikenakan terhadap permohonan lesen perniagaan.

Dr Zaliha berkata, DBKL dalam peringkat akhir memuktamadkan

senarai peniaga dan setakat ini hanya tinggal 20 hingga 30 peratus kekosongan daripada kira-kira 3,000 tapak yang belum diisi dengan penyertaan masih dibuka kepada peniaga yang berminat.

Katanya, selaras arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, DBKL akan bertindak tegas dengan membatalkan lesen sekiranya ada individu menjual tapak lot bazar Ramadan kepada pihak ketiga.

“Pemberian lesen secara terus ini berjaya dilaksanakan tahun lalu membabitkan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan kerana kita adalah pihak berkuasa yang mempunyai kapasiti untuk melaksanakannya secara telus,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Zaliha berkata, siasatan dalaman berhubung dakwaan salah laku dikaitkan dengan seorang selebriti berhubung perolehan projek RM4 juta di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah di peringkat akhir.

Katanya, beliau akan menetapkan tarikh sesuai secepat mungkin untuk mendengar taklimat daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif mengenai hasil siasatan berkenaan.



Zaliha Mustafa